

12/07/2002

Dialog Langkawi adakan sesi khas ketua kerajaan, 'Club 29'

PUTRAJAYA, Khamis - Dialog Antarabangsa Langkawi-Global 2002 (LID-Global 2002) akan mengadakan satu sesi khas ketua kerajaan dan menteri dengan ahli 'Club 29' yang mewakili usahawan dan profesional muda.

Ia berikutan pembabitan golongan muda dilihat penting dalam mengembangkan lagi idea perkongsian pintar dan bertukar maklumat dengan pihak yang terbabit dalam bidang masing-masing.

Penasihat Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might), Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, berkata sesi khas itu akan diadakan pada hari kedua LID-Global 2002.

Katanya, Might sudah menghantar jemputan kepada 60 wakil Club 29 di negara ini iaitu kumpulan usahawan baru yang dilihat berpotensi menjadi pemimpin perniagaan pada masa depan.

Beliau berkata demikian selepas majlis makan tengah hari bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta perbincangan pradiolog LID-Global 2002, di sini, hari ini.

Pada majlis itu juga, sejumlah 18 organisasi yang menjadi penaja bagi LID-Global 2002 menyampaikan sumbangan masing-masing.

Berita Harian menjadi akhbar Melayu rasmi LID-Global 2002, The New Straits Times (akhbar Inggeris), Radio Televisyen Malaysia (penyiar rasmi) dan Pertubuhan Berita Nasional (agensi berita rasmi).

Pada majlis penyampaian tajaan akhbar rasmi itu, Berita Harian dan New Straits Times diwakili Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd, Tan Sri Abdullah Ahmad.

Omar berkata, pihaknya menjangka kira-kira 450 perwakilan termasuk ketua kerajaan, menteri, pegawai kanan dan golongan korporat menghadiri LID-Global 2002.

Dialog itu, yang juga rakan Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (Said) dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID), akan berlangsung pada 1 hingga 4 Ogos ini.

Omar berkata, sehingga 10 Julai lalu, sembilan ketua kerajaan dan menteri daripada 27 negara yang dijemput, sudah mengesahkan penyertaan.

Mereka ialah Naib Presiden Botswana, Seretsa Lan Khama; Presiden Ghana, John Kufour; Presiden Kyrgyz, Askar Akaev; dan Perdana Menteri Mozambique, Pascoal Manuel.

Turut serta, Presiden Namibia, Dr Sam Nujoma; Presiden Rwanda, Paul Kagame; Raja Swaziland, King Mswati III; Presiden Uganda, Yoweri Kaguta Museveni dan Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe.

Turut menjadi penaja LID-Global 2002 ialah Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, Hei-Tech Padu Bhd, Puncak Niaga Bhd, Cahya Mata Sarawak Bhd, Southern Bank Bhd dan Gas Malaysia Bhd, Binapuri Holdings Sdn Bhd, Edaran Otomobil Nasional Bhd dan Sunway Group Bhd.